



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (08)

Tarikh: 29 Mac 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **LAPORAN OLEH PW COMMUNITY MENGENAI PENIPUAN PENAWARAN PERUMAHAN PERCUMA MELALUI GLOBAL INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT & INTERNATIONAL FINANCE AGENCY (GIDIFA) OLEH Tu-E CAPITAL BERHAD.**

Putrajaya 29 Mac 2019 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) ingin memaklumkan terdapat satu kenyataan oleh laman facebook PW Community bertajuk “Laporan Mengenai Penipuan Projek Perumahan GIDIFA/Tu-E Capital” yang mendakwa mengenai aktiviti penipuan melibatkan kutipan wang deposit daripada kontraktor yang berminat untuk terlibat dalam projek perumahan mampu milik (*affordable housing*).

Berdasarkan laporan PW Community, dinyatakan Tu-E Capital menggunakan pendekatan penipuan menawarkan perumahan percuma melalui program anjuran GIDIFA yang didakwa bernaung di bawah United Nations (UN). Penipuan ini mensasarkan kontraktor pembinaan untuk menjadi “Kontraktor Panel” dengan dikenakan bayaran yuran antara RM10,000 hingga RM20,000 bagi melayakkan mereka menjadi “fundee”.

Semakan JPN, KPKT mendapati Tu-E Capital tidak dilesenkan di bawah Akta pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118) dan bukan pemaju perumahan manakala individu bernama Dato, Mohamad Zahari Haji Awang yang dilaporkan sebagai pengarah syarikat Tu-E Capital tidak memegang sebarang jawatan sebagai pengarah mana-mana pemaju perumahan yang dilesenkan di bawah JPN, KPKT.

JPN, KPKT ingin menasihati kepada orang awam agar terus membuat laporan kepada pihak polis sekiranya terdapat sebarang notis atau surat tawaran yang berunsurkan penipuan.

Orang awam, pihak pemaju perumahan dan kontraktor pembinaan juga boleh menyemak kesahihan sesuatu insentif/skim/program yang diperkenalkan oleh pihak JPN, KPKT dengan melayari portal rasmi Jabatan Perumahan Negara iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau sekiranya terdapat sebarang keraguan atau pertanyaan, orang ramai boleh berhubung terus dengan kami. Sebarang aduan/makluman boleh dikemukakan kepada JPN, KPKT melalui saluran berikut:

Email : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my) / [penguatkuasaJPN@kpkt.gov.my](mailto:penguatkuasaJPN@kpkt.gov.my)

No telefon : 03-8000 8000

Laman media sosial:

1. Facebook KPKT : @KPKT Malaysia  
Facebook JPN : Jabatan Perumahan Negara(JPN)
2. Twitter KPKT : @kpkt\_gov  
Twitter JPN : @perumahanJPN

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)